



24 DEC, 2024

Kerjasama majukan projek biometana

ventureTECH

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Kerjasama majukan projek biometana

VentureTECH Sdn Bhd (VentureTECH) menjalin kerjasama pelaburan strategik dalam MTC Orec Sdn Bhd (MTC Orec), firma Bumiputera pakar dalam sektor bioenergi.

Kerjasama itu bertujuan mempercepat pembangunan loji biometana MTC Orec, sekali gus menonjolkan komitmen kedua-dua syarikat terhadap pertumbuhan mampan dan inovasi tenaga boleh diperbaharui.

Ketua Pegawai Eksekutif VentureTECH, Ahmad Redzuan Sidek, berkata pelaburan itu akan memacu pembangunan loji biometana baharu di utara dan pantai timur Malaysia.

Beliau berkata, pelaburan itu juga akan membolehkan pelaksanaan projek biometana bersama rakan kongsi utama dalam sektor minyak dan gas, yang dijadualkan bermula pada 2025.

Usaha itu, katanya, dijangka memberikan sumbangan yang signifikan kepada matlamat tenaga boleh diperbaharui Malaysia,

memupuk pertumbuhan mampan, dan mengukuhkan komitmen negara dalam mengurangkan pelepasan karbon.

“Pelaburan VentureTECH menonjolkan dedikasi kami untuk menyokong syarikat berpandangan jauh yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

“Kepakaran MTC Orec dalam bioenergi dan sumbangannya kepada sasaran tenaga boleh diperbaharui Malaysia menjadikannya rakan kongsi yang ideal.

“Kerjasama ini bukan sahaja akan mengurangkan pelepasan karbon dan menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, tetapi juga mewujudkan peluang yang signifikan untuk syarikat Bumiputera dan komuniti tempatan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.



Ahmad Redzuan Sidek

MTC Orec terkenal sebagai pakar dalam reka bentuk, kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) kemudahan biogas, dengan rekod prestasi yang terbukti dalam menukar sisa kepada tenaga boleh diperbaharui.

Antara pencapaiannya yang utama adalah membangunkan salah satu loji biometana pertama berasaskan Efluen Kilang Minyak Sawit (POME) yang secara langsung menyuntik biometana ke dalam saluran paip gas nasional Malaysia.

Kejayaan itu mencerminkan kepimpinan MTC Orec dalam menyelaraskan penyelesaian inovatif dengan agenda kemampanan Malaysia.

Berdasarkan kerjasama yang berjaya bersama pelanggan terkemuka seperti Gas Malaysia, MTC Orec kini sedang memperluas

operasinya dengan pembangunan empat loji bioenergi tambahan di Johor dan wilayah utara Semenanjung.

Projek itu penting dalam menangani cabaran alam sekitar yang kritikal, termasuk pengurusan sisa dan pelepasan gas rumah kaca, sambil memberikan peluang ekonomi kepada komuniti tempatan.

Pengerusi MTC Orec, Ir Dr Norshah Hafeez Shuaib pula berkata, pelaburan itu adalah bukti kepercayaan dan keyakinan diberikan VentureTECH terhadap visi dan keupayaan kumpulan.

Beliau berkata, ia akan meningkatkan operasi, melaksanakan projek biometana canggih dan menyumbang secara bermakna kepada pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan luar bandar.

“Bersama VentureTECH, kami sedang menetapkan penanda aras baharu untuk penyelesaian tenaga mampan yang akan memberi manfaat kepada generasi akan datang,” katanya.



24 DEC, 2024

Kerjasama majukan projek biometana

Berita Harian, Malaysia

venture**TECH**

Page 2 of 2

SUMMARIES

VentureTECH Sdn Bhd (VentureTECH) menjalin kerjasama pelaburan strategik dalam MTC Orec Sdn Bhd (MTC Orec), firma Bumiputera pakar dalam sektor bioenergi. Kerjasama itu bertujuan mempercepatkan pembangunan loji biometana MTC Orec, sekali gus menonjolkan komitmen kedua-dua syarikat terhadap pertumbuhan mampan dan inovasi tenaga boleh diperbaharui. Ketua Pegawai Eksekutif VentureTECH, Ahmad Redzuan Sidek, berkata pelaburan itu akan memacu pembangunan loji biometana baharu di utara dan pantai timur Malaysia.